

UCAPAN ALU-ALUAN YANG AMAT BERBAHAGIA  
DATUK SERI DATIN PADUKA  
DR. SITI HASMAH BTE HAJI MOHD. ALI  
YANG DI-PERTUA PERSATUAN PANDU PUTERI  
MALAYSIA, DI UPACARA PERASMIAN  
PERKHEMAHAN ANTARABANGSA {KEM MAS '85)  
DI TAMAN CORONATION, PULAU PINANG,  
PADA HARI KHAMIS, 11HB. APRIL, 1985  
PUKUL 8.00 MALAM.

---

Assalamu alaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Mengadap ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong, Penaung Di-Raja Persatuan Pandu Puteri Malaysia.

Ampun Tuanku beribu ampun, sembah patik harap diampun.

2. Patik, bagi pihak Persatuan Pandu Puteri Malaysia serta ahli-ahli Jawatankuasa Pemandu Perkhemahan Antarabangsa menjunjung kasih yang tidak terhingga atas limpah perkenan Tuanku Permaisuri mencemar Duli berangkat ke Majlis Perasmian ini. Keberangkatan Tuanku Permaisuri menambahkan lagi seri Majlis Perasmian ini dan memberi kehormatan dan peluang kepada semua peserta Perkhemahan Antarabangsa untuk bermesra dengan Tuanku Permaisuri di Majlis ini.

3. Patik sekalian menyanjung tinggi perhatian dan minat Tuanku Permaisuri terhadap kegiatan-kegiatan kepanduan. Adalah menjadi azam patik untuk membuktikan bahawa patik-patik sekalian adalah ahli-ahli sebuah pertubuhan yang berdisiplin dan taat kepada ajaran agama, raja dan negara. Patik, bagi pihak Jawatankuasa Pemandu dan Jawatankuasa Pengelolaan, terlebih dahulu memohon ampun dan maaf jika

terdapat sebarang kesilapan dan berharap agar ianya tidak menimbulkan kemurkaan Tuanku Permaisuri.

Ampun Tuanku,

4. Patik memohon keizinan Tuanku Permaisuri untuk menyampaikan ucapan kepada para hadirin dan ahli-ahli Persatuan Pandu Puteri Malaysia yang hadir di Majlis ini, diikuti dengan kata-kata aluan dalam Bahasa Inggeris.

Ampun Tuanku,

Tuan Yang Terutaraa Yang Di-Pertua Negeri  
Pulau Pinang, dan Yang Amat Berbahagia  
Toh Puan;

Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Pulau  
Pinang, dan Yang Amat Berbahagia Puan  
Lim;

Dif-Dif Kehormat;

Tuan-tuan dan Puan-puan,  
serta ahli-ahli Persatuan Pandu Puteri  
Malaysia.

Assalamu alaikum warahmatullahi wabarakatuh, dan salam sejahtera.

5. Saya berasa amat gembira dan bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wataala kerana dengan limpah dan rahmatNya dapat kita berkumpul bersama-sama di Majlis ini untuk memulakan Perkhemahan Antarabangsa Persatuan Pandu Puteri Malaysia. Perkhemahan Antarabangsa ini diadakan sempena ulang tahun ke-75 tertubuhnya kepanduan di samping menyambut Tahun Bella Antarabangsa.

6. Tema Perkhemahan Antarabangsa ini, "Perkhemahan Menikmati Alam Semulajadi" atau ringkasnya "KEM MAS", telah dipilih untuk mengingatkan kita semua betapa pentingnya seseorang itu menghayati peranan alam semulajadi dalam kehidupan moden dan maju seperti sekarang ini. Ini adalah secukupnya dengan tema Tahun Belia Antarabangsa iaitu "Penyertaan, Pembangunan, Keamanan".

7. Tujuan Perkhemahan Antarabangsa ini antara lainnyalah memberi pendedahan, peluang dan latihan yang seluas-luasnya kepada hampir seribu orang peserta dan petugas dari seiruh Malaysia untuk bersama-sama dan berkenalan mesra antara satu sama lain, serta mengeratkan lagi perhubungan dengan ahli-ahli Pergerakan Pandu Puteri dari negara-negara luar seperti Negeri Thai, Singapura, Indonesia, Bangladesh, India, Jepun, New Zealand, Kanada, England dan Brunei Darulsalam. Saya percaya pengalaman di Perkhemahan ini akan dapat memperkukuhkan lagi Amalan 10 Undang-Undang Pandu Puteri di samping memupuk perasaan taat setia bukan sahaja kepada kepanduan tetapi juga terhadap agama, raja dan negara khasnya.

8. Perancangan dan persiapan untuk mengadakan Perkhemahan ini tentu sekali akan melibatkan petugas yang ramai dan perbelanjaan yang besar. Bagi pihak Jawatankuasa Penganjur saya merakamkan setinggi penghargaan kepada pemimpin-pemimpin Kerajaan Negeri Pulau Pinang, terutama Yang Amat Berhormat Dr. Lim Chong Eu dan Yang Berbahagia Datuk Zainol bin Mahmud atas segala bantuan bagi persiapan awal Perkhemahan ini. Saya mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pemimpin-pemimpin Persatuan Pandu Puteri Pulau Pinang, terutama Puan Su bte Hashim, Puan Lucy Lee, Puan Khaw Chuan Ghee dan semua ahli pelbagai Jawatankuasa Kecil yang telah bertungkus lumus bagi membuat persiapan untuk Perkhemahan ini.

9. Saya juga mengucapkan setinggi terima kasih kepada Jabatan Pelajaran Pulau Pinang khasnya dan juga kepada Kementerian Pelajaran amnya, kerana membenarkan para pendidik dan pelajar-pelajar menyertai dan menjalankan tugas di Perkhemahan ini; serta kepada Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan atas sumbangan kewangan dan sokongannya. Penghargaan yang sama juga ditujukan kepada sektor swasta, orang perseorangan dan Persatuan Pengakap Pulau Pinang yang membenarkan kami menggunakan tapak perkhemahan Coronation sebagai tempat Perkhemahan ini. Kepada para peserta, saya percaya pengalaman yang akan diperolehi daripada Perkhemahan ini akan dikenang buat selama-lamanya. Adalah diharapkan Perkhemahan ini akan menjalinkan persahabatan di antara kita semua, baik sesama Pandu Puteri di Malaysia, mahupun antara kita dengan Pandu Puteri dari negara-negara lain.

10. To our sister guides from other countries, I would like to extend a warm welcome to Malaysia and to KEM MAS which means "a golden camp". It in actual fact is an acronym for "A camp in appreciation of Nature" in Bahasa Malaysia. It is indeed a golden opportunity to have you with us and we hope you will have the time to enjoy camp-life, time to enjoy and appreciate Nature, as promised, and, after camp, to enjoy the Malaysian hospitality. On behalf of the Malaysian Girl Guides Association, and in particular the Girl Guides Association of Penang, I hope you will bring back with you fond memories of this event.

11. I would like to extend a special welcome to Lady Baden-Powell, the Commonwealth Chief Commissioner, who had accepted our invitation to be with us throughout this event. I am sure she has some comments towards the betterment of our movement during this camp.

12. Saya sudahi dengan sekali lagi mengucapkan penghargaan kepada Jawatankuasa Penganjur dan semua pihak yang terlibat.

Wabillahi Taufik Walhidayah Wassalammu Alaikum  
Warahmatullahi Wabarakatuh.

Ampun Tuanku, sembah patik pohon diampun.

\*\*\*\*\*